

03 SEP 2001

Mahathir-Perutusan

DR M SAMPAI PERUTUSAN BAGI PERTANDINGAN ROBOT ABU ASIA-PASIFIK

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan perutusan yang dirakamkan bagi mesyuarat kedua Jawatankuasa Persediaan Pertandingan Robot ABU (Kesatuan Penyiaran Asia) Asia-Pasifik di Pulau Pinang, esok.

Menurut Pengarah Eksekutif NHK Japan, Sekine Akiyoshi yang bertemu dengan Dr Mahathir hari ini, tujuan mesej itu direkodkan adalah bagi mendapatkan sokongan beliau bagi pertandingan itu yang akan diadakan di Tokyo tahun depan.

"Projek unik ini dicadangkan oleh Katsuji Ebiwa, Presiden NHK-Japan dan Presiden ABU dan diperakui di Perhimpunan Agung Sydney pada 1999," kata beliau dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh pejabat NHK di Kuala Lumpur.

Pertandingan Robot ABU Asia-Pasifik merupakan yang pertama seumpamanya di dunia dan dijadualkan berlangsung pada Ogos atau September 2002 di Tokyo, Jepun bersama NHK Japan sebagai penyiar hos.

Pertandingan itu adalah satu bentuk hiburan intelektual dengan para penuntut dari seluruh Asia dan rantau Asia Pasifik diberikan peraturan pertandingan yang sama yang memerlukan mereka membina robot sendiri menggunakan imaginasi, kreativiti, kemahiran masing-masing dan peruntukan terhad.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata Malaysia sangat berminat dengan pertandingan itu memandangkan ia boleh menyumbangkan kepada peningkatan dalam pengetahuan daripada segi teknologi automasi moden.

"Kerajaan Malaysia menyokong penuh pertandingan ini dan kita akan berbuat apa yang boleh untuk memastikan rakyat Malaysia menyertai pertandingan ini," kata Dr Mahathir dalam perutusannya.

Perdana Menteri juga berharap yang pertandingan itu akan membolehkan rakyat Malaysia mendapat pendedahan yang sewajarnya dalam bidang teknologi ini dan pada masa yang sama mengetahui perkembangan di negara lain dalam pembangunan teknologi ini.

Mesyuarat persediaan itu akan diadakan di Pulau Pinang esok dan akan dihadiri oleh 40 perwakilan daripada 19 pertubuhan anggota jawatankuasa.

-- BERNAMA

AT AFY PR